

VOL 4 | ISU 1
JANUARI - MAC 2025



Akademi Profesor
MALAYSIA

BULETIN

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Sidang Redaksi

Penasihat

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

Ketua Editor

Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin

Editor & Reka Bentuk Grafik

Puan Nur Farhah Nabihan Ismail

Pegawai Komunikasi

Puan Nai'mah Isa



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com

BULETIN RASMI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Isi Kandungan

Kata Alu-Aluan Presiden	3
Ucapan Aspirasi Tahun Baharu 2025 Presiden	4
Jaringan	6
Perbincangan Kajian Wakaf APM bersama Albukhary International University (AIU)	
Jaringan	7
Perbincangan Mengenai Kerjasama antara APM dan The International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS)	
Jaringan	8
Mesyuarat dan Majlis Berbuka Puasa Ahli Majlis, Ketua Korpus Kesarjanaan dan Fellow Kehormat	
Jaringan	9
Perbincangan bersama Timbalan Menteri Agama mengenai Program Madani Muslim Minority Global Forum	
Sidang Media	10
Perkongsian Hasil Kajian <i>Genuine Progress Indicator (GPI) for Malaysia</i> oleh Akademi Profesor Malaysia	
Sidang Meja Bulat	11
<i>Diplomasi Keselamatan ASEAN: Peranan Malaysia dalam Memperkukuh Hubungan Serantau dan Antarabangsa</i>	
Program Wacana	12
2025 API-APM Webinar Series - Building Nation State and Civilization: Roles of Academia in Indonesia and Malaysia	
Mesyuarat	15
Mesyuarat Majlis	
Mesyuarat	16
Mesyuarat Pengurusan	
Mesyuarat	17
Mesyuarat Kluster dan Jawatankuasa 2024	
Penyertaan	18
Program Astro Awani: Dialog Poket Rakyat	
Penyertaan	19
Malaysian Asia Pacific Internet Governance Academy (MyAPIGA) 2025	
Penyertaan	20
MIMOS Quantum Day 2025	
Penerbitan (Kenyataan Media)	23
Penerbitan (Media Massa)	29
Perutusan Hari Raya Presiden	34
Ucapan Tahniah	35
Poster Aktiviti & Program APM	36
Keahlian: Status 31 Mac 2025	38
Takrifan & Akronim	39
Sertai Kami	40

Nota Ketua Editor



**Profesor Dr.
Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin**
SETIAUSAHA AGUNG AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Assalamualaikum wbkth
dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah,

Syukur ke atas limpahan rahmat Ilahi dengan izin-Nya APM berhasil menerbitkan Buletin APM Vol 4 Isu 1, yang merangkumi pelbagai aktiviti APM dari bulan Januari hingga Mac 2025 (suku pertama tahun 2025) dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Majlis APM sesi 2023/2025 terus komited meneruskan kecemerlangan yang telah dirintis sebelum ini. APM kini giat melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak positif, iaitu melalui kerjasama dengan The International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) di mana terdapat dua program besar yang telah dirancang iaitu Round Table Discussion (RTD) bertajuk "*Towards a Sustainable Peace in Gaza*" pada 22 April 2025 dan juga Madani Muslim Minority Global Forum yang akan berlangsung pada Oktober 2025.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Nur Farhah Nabihan Ismail, atas usaha serta dedikasinya selaku Editor dan Reka Bentuk Grafik untuk Buletin ini. Peranan beliau sebagai Pegawai Penyelidik telah memberikan sumbangan yang amat berharga dalam memastikan ahli-ahli APM sentiasa mendapat maklumat tentang perkembangan terkini organisasi ini.

Sekian,
Salam Hormat.



Kata Alu-Aluan Presiden

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, Buletin APM Vol 4 Isu 1 telah berhasil diterbitkan. Setinggi penghargaan diucapkan kepada ahli Sidang Redaksi Buletin APM atas kesungguhan mereka dalam memastikan kelangsungan penerbitan buletin ini yang secara keseluruhannya telah mengumpul dan melaporkan setiap aktiviti dan perkembangan APM secara objektif.

APM terus komited dalam usaha advokasi melalui pelbagai program seperti Syarahan Fellow, Wacana APM, dan Sidang Meja Bulat (RTD), yang membincangkan isu-isu semasa secara mendalam.

Tahun 2025 merupakan tahun pemilihan kepimpinan baharu, dan InshaAllah, kita akan berusaha untuk memenuhi harapan serta menjunjung amanah yang telah diberikan. Marilah kita refleksi sedikit apa yang telah kita capai dan apa yang boleh kita lakukan dalam tempoh 10 bulan yang lalu.

Dalam perjalanan ini, kita harus sentiasa mengingatkan diri bahawa Akademi Profesor Malaysia (APM) perlu kekal relevan, tidak kira apa jua perubahan dalam landskap politik. Hubungan antara akademik dan pemegang taruh perlu terus dijaga dan diperkukuh. Apa yang lebih penting adalah kita harus memiliki aspirasi yang jelas dan keinginan yang kuat untuk mencapai apa yang telah kita tetapkan.

Mengimbas kembali nota pengharapan untuk APM, kita berharap APM dapat terus bergerak dengan semangat yang lebih tinggi pada tahun 2025. Aktiviti utama APM akan terus tertumpu kepada kluster-kluster serta Korpus Kesarjanaan. Setiap kluster diharapkan dapat menonjolkan peranan mereka dengan lebih signifikan dalam mencapai objektif organisasi ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengajak semua ahli untuk terus menyumbang melalui platform APM. Semoga APM terus melonjak demi untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian
Salam Hormat.

UCAPAN ASPIRASI TAHUN BAHARU 2025 PRESIDEN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Tahun 2025 merupakan tahun pemilihan kepimpinan baharu, dan InshaAllah, kita akan berusaha untuk memenuhi harapan serta menjunjung amanah yang telah diberikan. Marilah kita refleksi sedikit apa yang telah kita capai dan apa yang boleh kita lakukan dalam tempoh 10 bulan yang lalu.

Dalam perjalanan ini, kita harus sentiasa mengingatkan diri bahawa Akademi Profesor Malaysia (APM) perlu kekal relevan, tidak kira apa jua perubahan dalam landskap politik. Hubungan antara akademia dan pemegang taruh perlu terus dijaga dan diperkukuh. Apa yang lebih penting adalah kita harus memiliki aspirasi yang jelas dan keinginan yang kuat untuk mencapai apa yang telah kita tetapkan.

Kita juga perlu berhadapan dengan cabaran untuk menyampaikan pemikiran dan cadangan kepada pihak-pihak berkepentingan. Kita tidak boleh mudah terbuai dengan keadaan semasa. Kita mesti terus mempertahankan fungsi dan objektif APM dengan teguh dan penuh komitmen.

Mengimbas kembali nota pengharapan untuk APM, kita berharap APM dapat terus bergerak dengan semangat yang lebih tinggi pada tahun 2025. Aktiviti utama APM akan terus tertumpu kepada kluster-kluster serta Korpus Kesarjanaan. Setiap kluster diharapkan dapat menonjolkan peranan mereka dengan lebih signifikan dalam mencapai objektif organisasi ini.

Sebagai contoh, terdapat 11 kluster dan 10 Korpus Kesarjanaan di bawah pimpinan kita. Setiap kluster digalakkan untuk menganjurkan sekurang-kurangnya satu Round Table Discussion (RTD) yang berfokuskan isu-isu dasar yang sedang berlaku. Pada tahun 2025, kita mensasarkan sekurang-kurangnya 11 RTD yang berfokuskan isu dasar yang relevan dengan kepentingan negara. Selain itu, setiap Korpus Kesarjanaan disarankan untuk mengadakan satu wacana keilmuan yang akan menyumbang kepada pembangunan ilmu dan penyelesaian masalah semasa.

Saya juga berharap agar setiap pengerusi kluster lebih peka terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan kluster masing-masing. Sebagai contoh, isu kos rawatan kesihatan yang semakin meningkat adalah satu topik yang penting. Kita perlu mengadakan perbincangan mendalam tentang hal ini, termasuk soal polisi kesihatan dan insurans.

Selain itu, isu geopolitik juga perlu mendapat perhatian kita. Kita perlu memikirkan masa depan negara dan bagaimana kluster-kluster serta Korpus Kesarjanaan dapat memberi pandangan yang bernas mengenai isu ini.

UCAPAN ASPIRASI TAHUN BAHARU 2025 PRESIDEN

Untuk memastikan kesan yang lebih besar, setiap RTD mesti mempunyai seorang penulis yang dilantik daripada ahli kluster itu sendiri untuk menyediakan dokumen dengan lebih cepat dan terperinci. Seterusnya, sebaik sahaja RTD selesai, kita perlu mengadakan sidang media untuk menyampaikan hasil perbincangan kepada orang ramai dan media dengan segera.

Tidak dilupakan, kita akan terus meneruskan tradisi penting seperti Persidangan Profesor Indonesia Malaysia (PPIM) dan Konvensyen Akademia, serta merancang untuk melaksanakan aktiviti yang lebih berimpak tinggi sempena AGM tahun depan.

Pengerusi juga telah mengadakan perbincangan dengan Presiden Asosiasi Profesor Indonesia, dan bersetuju untuk menganjurkan PPIM yang berfokus kepada isu-isu berkaitan dengan negara-negara rantau.

Mari kita semua bersama-sama mengorak langkah maju dalam tahun 2025 ini dengan penuh semangat dan harapan. Semoga segala usaha dan inisiatif kita membawa manfaat yang besar kepada negara, akademia, dan masyarakat keseluruhannya.

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman
Presiden
Akademi Profesor Malaysia
6 Januari 2025

Jaringan

Perbincangan Kajian Wakaf APM bersama Albukhary International University (AIU)

3 Februari 2025 | Urbanhive, Conezion



Sesi perbincangan ini dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM telah dihadiri oleh tiga (3) orang ahli pengurusan, serta satu orang urus setia. Perbincangan ini bertujuan untuk membentangkan Kertas Cadangan Permohonan Dana Bagi Membiayai Kajian Ekonomi dan Regulatori Wakaf Produktif di Malaysia kepada Naib Canselor AIU, Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar yang disediakan oleh Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial.



Kajian ini akan mengenalpasti solusi kepada semua kekangan struktur dan bukan struktur dalam sistem wakaf yang sedia ada. Kajian bertujuan untuk membangun dasar dan garis panduan (sistem) yang komprehensif untuk mewujudkan, mendaftar, mengurus dan memajukan-memantau harta-harta serta produk wakaf demi meningkatkan kedudukan dan kemandirian sosio ekonomi umat Islam di Malaysia.

Jaringan

Perbincangan Mengenai Kerjasama antara APM dan The International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS)

13 Februari 2025 | IAIS Malaysia



APM diwakili oleh beberapa Ahli Majlis telah hadir ke sesi perbincangan bersama pihak IAIS iaitu Dr. Ahmad Badri Abdullah (*Deputy Chief Executive Officer*), Azmer Idris (*Chief Operating Officer*) dan Muhd. Nur Iman Ramli (*Head of Strategic Communications & Media Relations Division*) mengenai beberapa aktiviti yang akan diadakan pada tahun 2025. Terdapat dua program yang telah dirancang iaitu Round Table Discussion (RTD) bertajuk "Towards a Sustainable Peace in Gaza" pada 22 April 2025 dan juga Madani Muslim Minority Global Forum yang akan berlangsung pada Oktober 2025.



Kedua-dua institusi komited memanfaatkan kepakaran akademik masing-masing dalam mempengaruhi pembangunan dasar, dengan penumpuan terhadap usaha menangani cabaran masyarakat yang mendesak serta mempromosikan pertumbuhan mampan di Malaysia.

Jaringan

Mesyuarat dan Majlis Berbuka Puasa Ahli Majlis, Ketua Korpus Kesarjanaan dan Fellow Kehormat

25 Mac 2025 | 5 petang | Bilik Mahkota 6, Royal Park Hotel UNITEN



Mesyuarat dan Majlis Berbuka Puasa yang menghimpunkan Ahli Majlis, Ketua Korpus Kesarjanaan, dan Fellow Kehormat APM. Acara ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan serta membincangkan peranan dan hala tuju Kluster serta Korpus Kesarjanaan APM.



Agenda utama mesyuarat ini adalah untuk membincangkan halatuju peranan Kluster dan Korpus Kesarjanaan APM, di mana para pengerusi dan ketua bertukar pandangan mengenai strategi memperkasa sumbangan akademik dalam pembangunan negara.

Majlis diteruskan dengan sesi berbuka puasa sebagai simbolik kebersamaan dan penghargaan terhadap sumbangan ahli dalam memperkukuh peranan APM sebagai wadah pemikir.



Jaringan

Perbincangan bersama Timbalan Menteri Agama mengenai Program *Madani Muslim Minority Global Forum*

27 Mac 2025 | 10:00 pagi | Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



Satu sesi perbincangan konstruktif telah diadakan bersama Timbalan Menteri Agama, YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan bagi membincangkan pelaksanaan Program *Madani Muslim Minority Global Forum*. Perbincangan ini turut melibatkan penyertaan International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), dan Akademi Profesor Malaysia (APM).



Sepanjang tahun ini, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan, termasuk beberapa Siri Persidangan Meja Bulat serta Forum peringkat antarabangsa bagi membincangkan isu-isu berkaitan minoriti Muslim di peringkat global. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh pemahaman, memperkasa kerjasama strategik, serta memastikan Islam terus berkembang.

Sidang Media

Sidang Media Perkongsian Hasil Kajian *Genuine Progress Indicator (GPI) for Malaysia* oleh Akademi Profesor Malaysia

21 Januari 2025 | 3:00 petang | Boardhive, Urbanhive Conezion



Akademi Profesor Malaysia (APM) telah mengadakan Sidang Media Perkongsian Hasil Kajian *Genuine Progress Indicator (GPI) for Malaysia*, yang membentangkan penemuan kajian mengenai pengukuran kemakmuran sebenar negara. Kajian ini telah dijalankan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial, dengan kerjasama Dr. Muhamad Rias K V Zainudin, Pegawai Penyelidik Bersekutu APM.



Dalam sesi ini, para penyelidik berkongsi dapatan penting mengenai bagaimana GPI boleh menjadi penanda aras yang lebih holistik berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam menilai kesejahteraan rakyat. Sidang media ini turut menekankan keperluan pendekatan yang lebih inklusif dalam menilai kemajuan ekonomi, alam sekitar, dan sosial di Malaysia.

Sidang Meja Bulat

KLUSTER KESELAMATAN DAN PERTAHANAN

Diplomasi Keselamatan ASEAN: Peranan Malaysia dalam Memperkukuh Hubungan Serantau dan Antarabangsa

09 Januari 2025 | 9:00 pagi | Bangi Resort Hotel



Panel:

1. **Profesor Dato' Dr. Hamzah Ahmad** (Profesor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia)
2. **Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong** (Fellow Akademi Profesor Malaysia)
3. **Profesor Dr. Mohd Kamarulnizam Abdullah** (Fellow Utama, Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa, UKM)

Tujuan utama sidang meja bulat ini adalah untuk menghasilkan sebuah Kertas Pendirian yang akan diserahkan kepada pihak pemegang taruh mengenai peranan Malaysia dalam memperkukuh hubungan serantau dan antarabangsa.

Program Wacana

The 2025 API-APM Webinar Series

Building Nation State and Civilization: Roles of Academia in Indonesia and Malaysia

25 Februari 2025 | 4:30 petang | Zoom Meeting



Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman
Faculty of Economics and Management, UKM
President, Akademi Profesor Malaysia (APM)

“Malaysia and Indonesia is neither a major trade partner. There is a need for a broader-deeper bilateral economic and investment relations between Malaysia-Indonesia aside of ASEAN.”

Collaborating on the Development of Robust Digital Infrastructure in Nusantara

Indonesia-Malaysia collaboration in digital infrastructure is key to accelerating the development of Nusantara’s Smart City, enhancing connectivity, smart energy, and cybersecurity, and driving economic growth by leveraging Malaysia’s advanced digital ecosystem and Indonesia’s expanding tech landscape. This partnership will foster innovation, sustainability, and regional competitiveness, setting a benchmark for ASEAN’s digital future. We invite stakeholders, governments, businesses, and research institutions to actively engage in this collaboration, with investment, knowledge-sharing, and joint initiatives being crucial to realizing Nusantara’s vision as a sustainable, connected, and innovative smart city.

Strategic Perspectives for Malaysia-Indonesia Bilateral Relations

To strengthen Malaysia-Indonesia ties, a Comprehensive and Progressive Indonesia-Malaysia Economic Partnership (CPIMEP) should be established, leveraging existing regional frameworks. Palm oil industry collaboration must expand, integrating agro-forestry and ESG compliance while harmonizing ISPO and MSPO (via MSPO2). A shared GHG emissions baseline and coordinated land and labor policies, including special documents for Indonesian plantation workers, are essential. Both nations should also align on sustainability measures and enhance Islamic capital market synergies for mutual growth.



Profesor Dr. Agus Rubiyanto
Professor of Physics, Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS)

“Malaysia’s progress in adopting smart grid interoperability standards offers valuable insights for Indonesia. Joint efforts could focus on harmonizing standards across the region, ensuring seamless integration of smart grid technologies.”

Program Wacana

The 2025 API-APM Webinar Series

Building Nation State and Civilization: Roles of Academia in Indonesia and Malaysia

25 Februari 2025 | 4:30 petang | Zoom Meeting



Profesor Dr. Muhammad Firdaus
Atdikbud KBRI Kuala Lumpur

“Many children in Malaysia, including those of Indonesian heritage, lack access to formal education due to legal status issues.

To help, Indonesian communities have established 71 learning centers in Peninsular Malaysia for 2,300 students and 275 centers in East Malaysia for 27,000 students.”

Innovation and Academia Are Inseparable

Rather than reinventing the wheel, API-APM can build on existing collaborations by adopting a strategic focus to enhance their effectiveness, impact, and meaningfulness. The key lies in developing an engagement strategy that ensures these efforts are successful, well-integrated, and contribute to a larger vision. The next step for API-APM is to address key challenges such as aligning research priorities, improving access to quality education to reduce underemployment, and bridging the gap between public and private sector involvement in research. Focusing on poverty eradication and sustainability will also be crucial.

Rights of Children to Education: The Case in Peninsular Malaysia - Way Forward

Sustained government support is crucial, including reviving the joint working group from 2005, as outlined in the 2021 MoU on Education Cooperation. To address teacher shortages in Community Learning Centers (CLC), greater university involvement is needed. Over 50 Indonesian universities have launched programs like Kuliah Kerja Nyata and Merdeka Belajar Kampus Merdeka, supported by Malaysian institutions such as INTI International College and Universiti Malaysia Sabah. Indonesian students in Malaysia also contribute, with Sanggar Bimbingan Sungai Buloh, run by the Indonesian Student Association, supporting 200+ students. Moving forward, academic support remains essential to strengthening these initiatives.



Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar

Vice Chancellor & President,
Albukhary International University (AIU)

“Despite people’s general nature of exclusivity, the magic formula, tried and tested throughout the history of human civilisations, is to be open to new ideas, ways of thinking and collaboration with each other. API-APM can or should lead the way.”

Program Wacana

The 2025 API-APM Webinar Series

Building Nation State and Civilization: Roles of Academia in Indonesia and Malaysia

25 Februari 2025 | 4:30 petang | Zoom Meeting



Profesor Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani
DVC Academic & International, UUM

"The Imagined University envisions Malaysia and Indonesia producing great scholars, with academicians playing a pivotal role in nation-building and the advancement of civilization."

Indonesia-Malaysia: Harnessing the Nusantara Vision as the Key Driver of ASEAN's Economy

Indonesia and Malaysia, with their shared cultural heritage and strategic geographic position, have significant potential to become the main drivers of ASEAN's economy. Key aspirations include strengthening bilateral economic cooperation, developing joint special economic zones, and enhancing infrastructure and connectivity. Collaboration in education, digital partnerships, and joint research on natural and human resources—leveraging cutting-edge technologies such as Data Science, AI, and Big Data—will accelerate ASEAN's economic transformation.

Malaysia-Indonesia Collaboration and Future Directions

Inspired by the MADANI concept, Malaysia-Indonesia can strengthen its collaboration through joint research programs and academic exchanges, while enhancing regional educational frameworks. Malaysia can position itself as a hub for promoting edu-tourism and fostering bilateral cooperation in the scientific and social sciences fields. Looking ahead, both nations should focus on producing great scholars by strengthening digital education and online learning, enhancing global academic partnerships, and encouraging youth engagement in academia to ensure sustainable growth and innovation in education and research.



Profesor Dr. Asep Saefuddin
Guru Besar IPB/Rektor Universitas Al Azhar Indonesia

"Indonesia and Malaysia share deep cultural similarities, including ethnicity, language, and religion, which serve as a strong foundation for close cooperation across various fields."

Mesyuarat

Ahli Majlis Sesi 2023/2025

Mesyuarat Majlis Bil 9

20 Februari 2025 | 10 pagi | Zoom Meeting



Dalam gambar (dari kiri atas): Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (TP), Pn. Naimah Isa (SUK), Prof. Dr. Chin Yee Whah (KSPN), Prof. Dato' Seri Salleh Yaapar (AFK), Prof. Emeritus Jamal Othman (Presiden), Prof. Abdullah Mat Zin (Bendahari), Prof. Zaidatun Tasir (PPI), Pn. Nur Farhah Ismail (RO), Prof. Dato' Dr. Mohd Ali Hassan (RE), Prof. Dr. Azizudin Sani (GKHA) dan Prof. Fauzi Jani (PSM). Tiada di dalam gambar: Prof. Dr. Rusli Mohamed (PK) dan Prof. Mohd Cairul Iqbal (SUA)

Mesyuarat Majlis Bil9 Sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Presiden APM, Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman dihadiri oleh tujuh (10) Ahli Majlis. Majlis turut mengalukan kedatangan Profesor Dr. Azizudin Sani selaku Pengerusi Kluster Governans, Kepimpinan & Hubungan Antarabangsa. Mesyuarat ini membincangkan beberapa agenda seperti berikut:

Agenda:

- Kata alu-aluan Pengerusi
- Mengesahkan Minit Mesyuarat Majlis Bil8 Sesi 2023/2025
- Laporan perkara berbangkit Mesyuarat Majlis Bil8 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari
- Kertas Kerja Program CPD JK Pendanaan
- Kertas Kerja Kerjasama APM- IAIS
- Hal-hal lain

Mesyuarat Pengurusan Sesi 2023/2025

Mesyuarat Pengurusan Bil 14

16 Januari 2025 | 10 pagi | ZOOM Meeting



Dalam gambar (dari kiri): Prof. Emeritus Dr. Jamal Othman (Presiden), Puan Farhah Ismail (Pegawai Penyelidik), Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (Timbalan Presiden), Prof. Adlina Suleiman (Timbalan Setiausaha), Puan Naimah Isa (SUK) dan Prof. Abdullah (Bendahari) (tiada di dalam gambar)

Mesyuarat Pengurusan Bil14 Akademi Profesor Malaysia (APM) sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM telah dihadiri oleh empat (4) orang ahli pengurusan, serta dua orang urus setia. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat penyelarasan bagi mengemaskini beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan Bil13 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari
- Kertas Kerja Syarahan Fellow Kehormat Kluster Keselamatan dan Pertahanan
- Hal-hal lain

Mesyuarat Pengurusan Bil 15

13 Februari 2025 | 1:00 tengah hari | IAIS Malaysia



Mesyuarat Pengurusan Bil15 sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha, Timbalan Presiden APM membincangkan beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan Bil14 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari
- Perbincangan Kerjasama bersama IAIS
- Hal-hal lain

Mesyuarat

Mesyuarat Kluster dan Jawatan Kuasa 2025



Jawatankuasa Pendanaan 2023/2025

1. Mesyuarat JK Pendanaan | 7 Februari 2025
2. Mesyuarat JK Induk KA24 | 10 Oktober 2024



Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)

1. Mesyuarat JK STI | 27 Januari 2025



Jawatankuasa RTD dan Madani Global Forum

1. Mesyuarat JK | 13 Februari 2025
2. Mesyuarat JK | 27 Februari 2025
3. Mesyuarat JK | 12 Mac 2025
4. Mesyuarat JK | 21 Mac 2025
5. Mesyuarat JK | 26 Mac 2025

Penyertaan

Astro Awani: Dialog Poket Rakyat

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial bersama Dr. Muhamad Rias K V Zainuddin, Pegawai Penyelidik Bersekutu APM telah dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai GPI: Menilai Pembangunan Ekonomi, Alam Sekitar & Kesejahteraan Sosial secara langsung pada 31 Jan 2025, 8.30 pm di Astro Awani.



Segmen ini membincangkan sejauh mana pembangunan ekonomi, alam sekitar, dan kesejahteraan sosial benar-benar mencerminkan kemakmuran rakyat.

Penyertaan

Malaysian Asia Pacific Internet Governance Academy (MyAPIGA) 2025

Akademi Profesor Malaysia (APM) melalui Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) diwakili oleh Prof. Suhaidi Hassan dalam Malaysian Asia Pacific Internet Governance Academy (MyAPIGA) 2025, yang berlangsung di Putrajaya pada 15-18 Februari 2025.




MyAPIGA 2025 menghimpunkan pakar dan pemegang taruh utama dalam bidang tadbir urus internet bagi membincangkan isu-isu kritikal berkaitan keselamatan siber, inovasi digital, serta dasar dan peraturan teknologi di rantau Asia Pasifik. Penyertaan Prof. Suhaidi Hassan mengukuhkan peranan APM dalam menyumbang kepakaran akademik terhadap perkembangan ekosistem digital negara dan serantau.

Penyertaan

MIMOS Quantum Day 2025

Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin, Ketua Korpus Kesarjanaan Sains & Matematik, telah menyampaikan ucapan khas bertajuk "*Quantum Intelligence: Driving National Growth and Innovation*" sempena MIMOS Quantum Day 2025 pada 25 Februari 2025 bertempat di MIMOS Berhad.



MIMOS Quantum Day 2025 merupakan platform untuk meneroka teknologi kuantum terkini serta membincangkan potensinya dalam pelbagai sektor. Program ini menghimpunkan pakar dari akademia, industri, dan pembuat dasar kerajaan bagi membincangkan perkembangan serta aplikasi dunia sebenar dalam bidang kesihatan, kewangan, tenaga, dan keselamatan negara. ara.

Penyertaan

Mesyuarat Pemurnian Hala Tuju SDG anjuran Pusat SDG Negara, Kementerian Ekonomi, 17 Mac 2025



Wakil APM:

1. Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial APM

Sesi Libat Urus bagi Cadangan Penyeragaman Kriteria Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), 26 Mac 2025



Wakil APM:

1. Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial APM
2. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hashim Yaacob, Dekan Fakulti Pergigian Universiti SEGi dan Ahli APM

Penyertaan

Forum | Malaysia Beyond 2025: Towards A Sustainable and Resilient Society, UCSI University, 26 Feb 2025



Wakil APM:

1. Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial APM

Podcast Ramadhan & Al-Quran: Puasa, Tubuh dan Kecergasan anjuran Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia, 4 Mac 2025



Wakil APM:

1. Profesor Dr. Mohamed Rusli Abdullah. Pengerusi Kluster Perubatan dan Kesihatan APM

Penerbitan

Kenyataan Media

Tajuk: Penunjuk Kemakmuran Tulen (GPI) hasil kajian oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial, APM

Tarikh: 22 Januari 2025



Akademi Profesor
MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia

Kenyataan Media mengenai Penunjuk Kemakmuran Tulen (GPI)

**Adakah kita sedang menikmati kemakmuran yang tulen? Perspektif Penunjuk
Kemakmuran Tulen (GPI) Malaysia**

Mengintegrasikan Dimensi Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar

Penunjuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah sekian lama menjadi penanda aras kemajuan sesebuah negara di seluruh dunia. Kerajaan pada tahun 2025 telah mensasarkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0%. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh pelaburan strategik, pengurusan fiskal yang berhemah, serta peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan. Namun, telah banyak dibahas bagaimana kerangka penunjuk KDNK gagal mengambilkira beberapa elemen krusial yang menyumbang atau memberi kesan kepada kesejahteraan negara dan masyarakat seperti kelestarian alam sekitar, agihan kekayaan, serta pelbagai manfaat dan kos sosial yang lain. Sebagai contoh, KDNK Malaysia telah meningkat daripada RM578.7 bilion pada tahun 2000 kepada kira-kira RM1.6 trilion pada tahun 2023. Ia didorong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan, aliran masuk pelaburan, dasar fiskal yang mengembang, dan perdagangan antarabangsa. Walaupun pertumbuhan ekonomi sedemikian telah berjaya meningkatkan pendapatan isirumah, infrastruktur awam, akses kepada pendidikan, serta penjagaan kesihatan, ia turut disertai dengan pelbagai cabaran-gejala seperti peningkatan hutang isi rumah, degradasi alam sekitar, permasalahan sosial, ketimpangan pembangunan wilayah, dan kesenjangan dalam agihan pendapatan. Degradasi kawasan hutan yang sensitif terhadap alam sekitar, pencemaran ekologi sungai, kehilangan biodiversiti, kadar jenayah dan sebagainya terus menimbulkan risiko ekologi dan keharmonian sosial yang boleh mengancam inisiatif pembangunan lestari negara. Begitu juga, nisbah hutang isi rumah kepada KDNK Malaysia mencecah 83% pada akhir Jun 2024, salah satu yang tertinggi di Asia Tenggara, menunjukkan bahawa tidak semua keuntungan ekonomi dapat diterjemahkan kepada keselamatan kewangan yang lebih baik untuk isi rumah di Malaysia.

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: Penunjuk Kemakmuran Tulen (GPI) hasil kajian oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial, APM

Tarikh: 22 Januari 2025

Di atas adalah antara sebab mengapa langkah pelengkap kepada penunjuk GDP diperlukan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara semasa bersifat inklusif dan berjalan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Sehubungan itu, Akademi Profesor Malaysia (APM) kini sedang menjalankan kajian mengenai Penunjuk Kemakmuran Tulen (GPI), yang menawarkan perspektif pengukuran prestasi ekonomi yang lebih menyeluruh dengan mengintegrasikan secara eksplisit dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk memberikan penilaian yang adil, terintegrasi dan seimbang terhadap kemajuan negara. Sebagai contoh, peluasan perladangan kelapa sawit yang tidak berpandukan sistem pertanian lestari akan meningkatkan pertumbuhan KDNK melalui kegiatan nilai tambah dan eksport minyak sawit, tetapi pada masa yang sama menjejaskan GPI dengan mengurangi ketahanan perkhidmatan ekologi (contoh, fungsi tadahan air dari ekologi hutan, perkhidmatan biodiversiti, dan perlindungan tanah permukaan) dan juga kesejahteraan komuniti setempat. Dengan menyesuaikan secara sistematik dimensi kesejahteraan yang sering diabaikan ini, GPI berusaha mendedahkan sama ada peningkatan output ekonomi seperti yang diserlahkan penunjuk KDNK benar-benar membawa kepada manfaat bersih dalam kesejahteraan negara atau, sebaliknya, menyembunyikan kos sosial dan alam sekitar yang semakin meningkat.

Dapatan kajian APM mendedahkan bahawa nilai GPI jauh lebih rendah berbanding KDNK. KDNK per kapita Malaysia pada tahun 2023 adalah RM44,638, manakala GPI per kapita hanya RM25,262 atau 57% daripada KDNK. Trajektori pertumbuhan GPI dan KDNK pada umumnya bergerak seiringan, menunjukkan bahawa turun naik faktor-faktor makroekonomi mempengaruhi kedua-dua KDNK dan GPI serentak. Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997/98 berdampak lebih besar terhadap kesejahteraan ekonomi (GPI) akibat kehilangan pekerjaan dan peningkatan dalam ketidaksamaan pendapatan, manakala Krisis Kewangan Global pada 2009 lebih banyak menjejaskan pendapatan (KDNK) kerana ia lebih memberi kesan langsung kepada pasaran kewangan. Begitu juga, pandemik COVID-19 pada 2020/21 lebih banyak memberi kesan kepada dimensi pendapatan berbanding kesejahteraan keseluruhan. Ini kerana, walaupun terdapat pengurangan dalam perbelanjaan penggunaan, nilai komponen kesejahteraan daripada beberapa elemen sosial, seperti kos keretakan institusi keluarga dan kadar jenayah, bertambah baik apabila isi rumah dan ahli masyarakat secara umumnya dapat tinggal bersama atau mengurangkan mobiliti fizikal. Kesan alam sekitar dari pengurangan aktiviti ekonomi juga menjadi lebih rendah. Walau bagaimanapun pada 2021, GPI Malaysia mengalami kejatuhan yang signifikan berbanding KDNK berikutan memburuknya agihan pendapatan dan dampak luaran dari pengangguran.

Kajian ini mendedahkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia sering disertai kos sosial yang lebih tinggi berbanding kos alam sekitar. Sebagai contoh, ketidaksamaan pendapatan banyak membayangi manfaat daripada pengembangan ekonomi (KDNK), kerana

Penerbitan

Kenyataan Media

Tajuk: Penunjuk Kemakmuran Tulen (GPI) hasil kajian oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial, APM

Tarikh: 22 Januari 2025

keuntungan tidak diagihkan secara saksama dalam masyarakat. Namun begitu, degradasi alam sekitar, termasuk penebangan hutan dan pencemaran air/sungai, juga telah menghakis GPI negara dengan ketara.

Satu temuan yang sangat menarik dan membanggakan ialah kadar pertumbuhan tahunan GPI (6.2%) untuk keseluruhan tempoh kajian (1990-2023) adalah lebih baik berbanding KDNK yang tumbuh sekitar 5.1%. Berlawanan dengan intuisi umum, nilai kesejahteraan dari sumbangan pekerja surirumah tanpa upah didapati menyumbang secara signifikan kepada GPI. Ia dianggarkan bernilai RM49 billion pada 2023. Namun begitu, terdapat jurang GPI-KDNK yang semakin melebar disepanjang tempoh kajian. Satu lagi pemerhatian utama ialah pada beberapa tahun terakhir, terutama pasca Covid-19, tren nisbah GPI perkapita terhadap KDNK perkapita menjadi semakin mendatar atau statik, sedangkan trajektorinya pada umumnya menyokong pertumbuhan GPI di tahun-tahun sebelumnya. Ini memberi petanda atau amaran awal mengenai keperluan negara untuk menilai semula dasar dan strategi pembangunannya.

